

# Sikap PM dalam pemilihan MT Utamakan Umno, Melayu

Oleh MAHFAR ALI

**BANDAR DARULAMAN, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan beliau tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam pemilihan jawatan tertinggi parti akhir bulan ini.**

Presiden Umno itu berkata, sesiapa saja boleh menjadi naib presiden asal-kan dipilih oleh parti.

"Jangan pula kata saya tidak suka orang sekarang. Saya tidak ada apa-apa pendirian terhadap sesiapa. Saya hendak utamakan Umno dan orang Melayu serta negara kita dengan penduduk yang berbilang kaum," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir meminta Umno bahagian Kubang Pasu jangan menyenaraikan sesiapa untuk bertanding dalam pemilihan kali ini bagi mengelak pihak tertentu membuat pelbagai tafsiran untuk kepentingan sendiri.

Perdana Menteri yang juga Ketua Umno bahagian itu berkata: "Sebagai presiden parti, ada orang cuba mentafsirkan apa yang dibuat oleh Umno bahagian Kubang Pasu adalah membayangkan pendirian saya."

Menurutnya, beliau bimbang orang tertentu akan menggunakan keputusan Umno bahagian Kubang Pasu untuk ber-

kempen kononnya presiden parti merestui pencalonannya.

Oleh itu, beliau meminta perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu supaya tidak menentukan senarai calon presiden, timbalan presiden, naib presiden serta ahli Majlis Tertinggi (MT).

Menurutnya, Umno bahagian tidak dikehendaki membuat keputusan mencalonkan mana-mana pemimpin, tetapi perwakilan boleh mengundi calon yang dikemukakan oleh bahagian lain.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengulangi nasihatnya agar semua calon jawatan MT jangan mengadakan pakatan dan kempen kotor bagi mengelak perpecahan parti seperti tragedi 1987.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak wajar diadakan pakatan atau pasukan kononnya untuk mewujudkan ahli MT yang sebulu.

"Kita tidak mahu dalam MT semua ahlinya 'yes man' saja daripada satu pasukan. Kalau kita cuma dengar suara yang itu saja dan kita buat perkara yang salah, tidak ada siapa yang hendak menegur kita," tegasnya.

Menurutnya, ahli MT, naib presiden, timbalan presiden dan presiden yang dipilih mungkin ada pandangan berbeza, tetapi mereka adalah pilihan perwakilan untuk menjaga kepentingan bangsa, agama dan negara.

"Saya harap kita faham mengenai cara memilih ahli MT. Semua bahagian hendaklah membuat pemilihan dengan tenang, baik serta tertib," katanya.